

# Jaminan PM kepada Arafat

# Malaysia tetap sokong PLO

Oleh Faizal Fadzil

12 JUL 1993

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia akan terus menyokong perjuangan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan berusaha supaya rundingan damai Asia Barat dibuat berasaskan keadilan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, Malaysia menyokong pendirian Palestin menolak cadangan Israel dalam rundingan damai yang sedang berlangsung kerana ia bercanggah dengan ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perbincangan empat mata dengan pemimpin PLO, Yasser Arafat, di pejabatnya hari ini, Dr Mahathir berkata Malaysia akan mencari jalan supaya rundingan itu diteruskan dengan asas adil kepada rakyat Palestin.

Perbincangan bermula jam 3.35 petang itu tamat kira-kira 5.25 petang.

Menurut Perdana Menteri, dalam pertemuan itu mereka berbincang mengenai hasil rundingan damai Asia Barat di antara Palestin dan Israel.

"Arafat menjelaskan Palestin tidak boleh bersetuju dengan cadangan yang diutarakan Israel kerana ia tidak selaras dengan resolusi PBB. Kita bersetuju dengan pendirian Palestin itu, bahkan menyokongnya," katanya.

Dr Mahathir berkata, Arafat memberitahunya rundingan damai Asia Barat tetapi tidak menjelaskan kedudukan Baitulmaqdis.

"Dalam perbincangan itu tidak disebut langsung mengenai kedudukan Baitulmaqdis.

Masa depan Baitulmaqdis juga hendaklah ditentukan. Kalaupun Palestin tak dapat Baitulmaqdis hari ini, tapi mesti tentukan apa dia untuk masa depan Baitulmaqdis," katanya.

Perdana Menteri berkata, bagi mewujudkan penyelesaian, semua pihak mestilah mengadakan rundingan dan penyelesaian yang adil supaya Palestin boleh mendapat kuasa autonomi di wilayahnya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia sentiasa bersimpati dengan rakyat Palestin yang masih ber-

juang meneruskan intifadah menentang keganasan Israel.

Mengenai serangan Israel terhadap penempatan Palestin di selatan Lebanon sejak tiga hari lalu menyebabkan 73 orang terkorban dan sekurang-kurangnya 500 cedera, Perdana Menteri berkata, itu memang cara Israel bagi mencari sebab untuk menggunakan senjata.

"Sepatutnya ini tidak berlaku. Dalam intifadah yang berlaku dalam bandar, mereka tak boleh menggunakan senjata dan pesawat mereka yang besar," katanya.

Tindakan kejam Israel itu menyebabkan beberapa negara Islam semalam mengecam masyarakat antarabangsa kerana gagal campur tangan bagi menghentikan serangan ganas itu.

Selain Iran yang lanjut memperkatakan perkembangan itu, Syria, Iraq dan Tunisia turut menyelar ketidak prihatinan masyarakat dunia.

Mereka berkata sikap mendiamkan diri masyarakat antarabangsa menunjukkan mereka meng-

LIHAT MUKA 2 /

## Resolusi PBB jadi pegangan

DARI MUKA 1

galakkan keganasan Israel.

Perdana Menteri ketika ditanya sama ada PLO akan meneruskan perbincangan damai itu, beliau berkata Arafat menjelaskan bahawa dia sanggup meneruskannya tapi bukan atas asas yang ditentukan Israel dan Amerika.

"Bagi PLO, kalau Israel dan Amerika berbalik kepada resolusi PBB, mereka sanggup terima. PLO tetap berpegang kepada resolusi PBB. Arafat juga bagi salinan asas perbincangan dan dia tunjuk kepada saya bagaimana perbincangan itu tidak diasaskan kepada resolusi PBB," katanya.

Ditanya apa akan terjadi jika ketetapan Israel itu diterima, Dr Mahathir menerangkan tidak ada tempat lagi kepada rakyat Palestin.

"Orang Palestin tidak dapat apa-apa," katanya.